



**5 September 2006 (Selasa)**

### **Isu Tabung Bantuan Bencana Kebangsaan ke Kabinet**

KUALA LUMPUR 4 Sept. – Isu Tabung Bantuan Bencana Kebangsaan yang didakwa tidak diurus dengan betul seperti disebut dalam laporan Ketua Audit Negara akan dibawa ke mesyuarat Kabinet, Rabu ini. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz berkata, beliau akan mengemukakan laporan itu bagi membolehkan siasatan lanjut mengenainya dilakukan segera. “Saya terkejut dengan laporan mengenai tabung berkenaan dan hanya mengetahuinya menerusi laporan Ketua Audit Negara,” katanya kepada pemberita di lobi Parlimen, hari ini. Beliau diminta mengulas mengenai Laporan Ketua Audit Negara berhubung Tabung Bantuan Bencana Kebangsaan yang disalahguna.

Laporan itu antara lain menyebut kerja membaik pulih dan pembelian peralatan menangkap ikan seperti jaring, enjin bot dan bot yang membabitkan kos RM9.84 juta tidak diuruskan dengan betul. Nazri berkata, beliau memandang serius laporan berkenaan dan mahu siasatan segera dijalankan berhubung perkara itu. Katanya, beliau menafikan dakwaan yang menyatakan kerajaan menyalahguna wang berkenaan sebaliknya menegaskan semua wang tersebut sudah diagihkan dan laporan serta perincian mengenai tabung berkenaan sudah dibentangkan di Dewan Rakyat. Terdahulu, ketika menjawab soalan tambahan Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Keadilan-Permatang Pauh) Nazri berkata, kerajaan ikhlas menuBUHKAN tabung itu dan tidak mahu menyalahgunakan wang tabung berkenaan. “Malah, segala wang yang sudah digunakan dan masih ada dalam tabung itu sudah pun dibentangkan pada mesyuarat pertama sesi kedua Dewan Rakyat yang lalu,” katanya.

Beliau berkata, mengikut Undang-undang Wang Amanah, wang dikutip untuk mangsa tsunami hanya boleh digunakan untuk bencana tsunami sahaja. Mengenai kualiti rumah yang diterima mangsa tsunami bermutu rendah seperti yang dinyatakan dalam laporan Ketua Audit Negara itu, Nazri berkata, pemberian kontrak pembinaan rumah mangsa tsunami dijalankan oleh pejabat daerah. “Pemberian projek pembinaan rumah berkenaan juga dibuat secara tender dan saya percaya tiada penyalahgunaan kuasa dalam pemberian projek itu. Apa pun perkara ini perlu dirujuk kepada kerajaan negeri kerana mereka yang menyelaraskan pembinaan rumah berkenaan,” katanya.

Menjawab soalan asal Dr. Wan Azizah, beliau berkata, sebanyak RM78.95 juta dikutip hasil sumbangan orang ramai kepada mangsa tsunami di seluruh negara. Katanya, sehingga akaun tabung berkenaan ditutup 31 Mei 2005 sebanyak RM51.39 juta sudah dibelanjakan untuk pelbagai jenis bantuan kepada mangsa tsunami sama ada dalam bentuk bantuan ehsan serta bantuan pemulihan ekonomi. “Sebanyak RM20.76 juta digunakan bagi membayar kos pembinaan dan pembangunan semula rumah mangsa tsunami di Kota Kuala Muda, Langkawi dan Pulau Pinang,” katanya.